

# TOPONYMIC GUIDELINES FOR MAP AND OTHER EDITORS

For International Use

## GARIS PANDUAN TOPONIMI BAGI EDITOR PETA DAN LAIN-LAIN

Untuk Kegunaan Antarabangsa

### MALAYSIA

Malaysian National Committee on Geographical Names

Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi

First Edition, 2017

Edisi Pertama, 2017

## **Table of Content**

<b>1.</b>	<b>Introduction</b>	5
<b>2.</b>	<b>Language</b>	6
2.1	General statement	6
2.2	National and official language	6
2.3	A brief history of the Malay language	6
2.4	History of Malay as the national language	6
<b>3.</b>	<b>Spelling and Pronunciation</b>	8
3.1	Spelling	8
3.1.1	Roman	8
3.1.1a)	Alphabet	8
3.1.1b)	Vowels	9
3.1.1c)	Diphthongs	9
3.1.1d)	Consonants	10
3.1.1e)	Spelling of geographical names	11
3.1.2	Jawi	11
3.1.2a)	Writing, spelling and alphabet	12
3.2	Pronunciation	14
3.2a)	Pronunciation of proper names	14
<b>4.</b>	<b>Dialects</b>	16
4.1	Johor Dialect	16
4.2	Kedah Dialect	16
4.3	Perak Dialect	17
4.4	Pahang Dialect	17
4.5	Kelantan Dialect	17
4.6	Terengganu Dialect	18
4.7	Negeri Sembilan Dialect	18
4.8	Sarawak Malay Dialect	19
4.9	Malay Language in Sabah	19
4.10	Dialect Kedayan	20
4.11	Brunei Malay Dialect	20
4.12	Other languages	20
<b>5.</b>	<b>Geographical Names Authority and Standardisation of Geographical Names</b>	22
5.1	Establishment of the committee	22
5.2	Guidelines for the determination of geographical names	23
5.3	Standardisation of geographical names determination process	24
5.3.1	Proposal	24
5.3.1a)	Parties making proposal	24
5.3.1b)	Procedure for making a proposal	24
5.3.2	Processing of proposal	26
5.3.2a)	Party processing the proposal	26
5.3.2b)	Proposal processing procedure	26
5.3.3	Endorsement of proposal	26

## **Isi Kandungan**

<b>1.</b>	<b>Pengenalan</b>	5
<b>2.</b>	<b>Bahasa</b>	6
2.1	Kenyataan umum	6
2.2	Bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi	6
2.3	Sejarah ringkas Bahasa Melayu	6
2.4	Sejarah Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan	6
<b>3.</b>	<b>Ejaan dan Sebutan</b>	8
3.1	Ejaan	8
3.1.1	Rumi	8
3.1.1a)	Abjad	8
3.1.1b)	Huruf vokal	9
3.1.1c)	Huruf diftong	9
3.1.1d)	Huruf konsonan	10
3.1.1e)	Pengejaan nama geografi	11
3.1.2	Jawi	11
3.1.2a)	Tulisan, ejaan dan abjad	12
3.2	Sebutan	14
3.2a)	Sebutan nama khas	14
<b>4.</b>	<b>Dialek</b>	16
4.1	Dialek Johor	16
4.2	Dialek Kedah	16
4.3	Dialek Perak	17
4.4	Dialek Pahang	17
4.5	Dialek Kelantan	17
4.6	Dialek Terengganu	18
4.7	Dialek Negeri Sembilan	18
4.8	Dialek Melayu Sarawak	19
4.9	Bahasa Melayu di Sabah	19
4.10	Dialek Kedayan	20
4.11	Dialek Melayu Brunei	20
4.12	Bahasa-bahasa lain	20
<b>5.</b>	<b>Pihak Berkuasa Penamaan dan Penyeragaman Nama Geografi</b>	22
5.1	Penubuhan jawatankuasa	22
5.2	Garis panduan penentuan nama geografi	23
5.3	Penyeragaman proses penentuan nama geografi	24
5.3.1	Cadangan	24
5.3.1a)	Pihak yang membuat cadangan	24
5.3.1b)	Prosedur membuat cadangan	24
5.3.2	Memproses cadangan	26
5.3.2a)	Pihak yang memproses cadangan	26
5.3.2b)	Prosedur memproses cadangan	26
5.3.3	Perakuan cadangan	26

5.3.3a) Party endorsing the proposal	26	5.3.3a) Pihak memperakukan cadangan	26
5.3.3b) Endorsement procedure	26	5.3.3b) Prosedur memperakukan cadangan	26
5.3.4 Approval and further actions	27	5.3.4 Kelulusan dan tindakan lanjut	27
5.3.4a) Approving authority	27	5.3.4a) Pihak yang meluluskan	27
5.3.4b) Further actions after approval	27	5.3.4b) Tindakan lanjut selepas kelulusan	27
<b>6. Administrative Levels</b>	<b>28</b>	<b>6. Peringkat Pentadbiran</b>	<b>28</b>
6.1 Description of Administrative Levels in Malaysia	28	6.1 Penerangan peringkat pentadbiran di Malaysia	28
6.2 District / Division (Sabah and Sarawak) / Jajahan (Kelantan) / Mukim for the State of Malaysia	30	6.2 Daerah / Bahagian (Sabah dan Sarawak) / Jajahan (Kelantan) / Mukim bagi Negeri-Negeri di Malaysia	30
<b>7. Resources</b>	<b>43</b>	<b>7. Sumber Bahan</b>	<b>43</b>
7.1 Maps	43	7.1 Peta	43
7.2 Database and gazetteer	43	7.2 Pangkalan data dan gazetir	43
<b>8. Glossary of Appellatives, Adjectives and Other Words Necessary for the Understanding of Maps</b>	<b>45</b>	<b>8. Glosari untuk Apellatif, Adjektif dan Perkataan Lain yang Dipaparkan pada Peta</b>	<b>45</b>
<b>9. Abbreviations of Geographical Terms and Other Words Used in Maps</b>	<b>49</b>	<b>9. Singkatan Istilah Geografi dan Perkataan Lain yang digunakan dalam Peta</b>	<b>49</b>
<b>10. Acknowledgement</b>	<b>51</b>	<b>10. Penghargaan</b>	<b>51</b>
<b>11. Reference</b>	<b>51</b>	<b>11. Rujukan</b>	<b>51</b>
<b>12. Annex:</b>		<b>12. Lampiran:</b>	
Map of Peninsular Malaysia		Peta Semenanjung Malaysia	
Map of Sabah		Peta Sabah	
Map of Sarawak		Peta Sarawak	

## **PREFACE**

Geographical names are an important form of communication through out the world. A geographical name may refer to a place, a natural feature or a region on the surface of the earth or a cluster of similar and related places, natural features or regions.

With the use of the MyGeoName Application, Malaysia has developed the Geographical Name Database which is a databank for storing geographic names, locations, histories and gazetteer notifications for government and public use. Access to the database, which contains the official names for places, will provide many benefits, including for purposes of communication, search and rescue operation services, disaster relief, tourism and government administration at the local, regional or central levels. The consistency of usage of proper names for places is a key element in effective communication throughout the world.

As such, we hope that the publication of these Toponymic Guidelines for Map and Other Editors for International Use will help international users understand the methodology used for determining geographical names, language forms, pronunciation, dialects, etc. as practised in Malaysia.

Hence, I would like to take this opportunity to thank all members of the National Committee on Geographical Names (NCGN), particularly Institute of Language and Literature Malaysia, who have contributed significantly in the preparation of this document. It is hoped that this document will serve both as a guide and reference, especially for international users, in understanding the designation of geographical names in Malaysia.

Director General of Survey and Mapping, Malaysia  
Chairman  
National Committee on Geographical Names

## **PRAKATA**

Nama geografi merupakan satu bentuk komunikasi yang penting di dunia. Nama geografi boleh merujuk pada mana-mana tempat, rupa alam, atau kawasan di permukaan bumi, atau sekelompok tempat, rupa alam, atau kawasan yang serupa dan berkaitan.

Malaysia telah membangunkan Pangkalan Data Nama Geografi melalui Aplikasi MyGeoName yang merupakan bank data untuk menyimpan nama-nama geografi, lokasi, sejarah dan notifikasi gazetir yang sah untuk kegunaan kerajaan dan pengguna awam. Akses kepada pangkalan data yang mengandungi nama-nama tempat rasmi akan memberi banyak manfaat, termasuklah untuk tujuan-tujuan komunikasi, khidmat operasi mencari dan menyelamatkan, bantuan bencana alam, pelancongan serta pentadbiran kerajaan, baik di peringkat tempatan, wilayah atau pusat. Penggunaan secara konsisten nama yang tepat bagi tempat merupakan unsur penting dalam komunikasi yang berkesan di seluruh dunia.

Sehubungan dengan itu, penerbitan Garis Panduan Toponimi bagi Editor Peta dan Lain-lain diharap dapat membantu pengguna antarabangsa untuk memahami kaedah penamaan geografi, bentuk bahasa, sebutan, dialek dan sebagainya yang dipraktikkan di Malaysia.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) terutamanya Dewan Bahasa dan Pustaka yang banyak membantu dalam penyediaan dokumen ini. Semoga dokumen ini dapat menjadi rujukan dan panduan khususnya kepada pengguna antarabangsa sebagai rujukan dalam memahami penamaan geografi di Malaysia.

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi

## 1. INTRODUCTION

### Background

The United Nations Conferences on the Standardisation of Geographical Names (UNCSGN) and the United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) were established by the Secretary-General of the United Nations in accordance with resolution 715A (XXVII) dated 23 April 1959 of the Economic and Social Council (ECOSOC). The UNCSGN conference, represented by 193 member countries, is held every five (5) years beginning in 1967 to standardise international geographical names as well as to publish and disseminate the geographical names recognised by the United Nations. The UNGEGN, on the other hand, meets twice between two UNCSGN conferences.

The UNCSGN and UNGEGN will report on the activities of member countries under 24 divisions and 10 working groups as well as a Task Force for Africa under UNGEGN to discuss the progress and resolution of current issues.

The publication of the Toponymic Guidelines for Map and Other Editors for International Use is based on the following resolutions of the UNCSGN:

- IV/4; 1982; Publication of toponymic guidelines for map and other editors
- V/11; 1987; Differentiation of toponyms from other map text
- V/14; 1987; Publication of toponymic guidelines
- VI/7; 1992; Toponymic guidelines for map and other editors

## 1. PENGENALAN

### Latar belakang

*United Nations Conferences on the Standardization of Geographical Names (UNCSGN) dan United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN)* telah diwujudkan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selaras dengan resolusi 715A (XXVII) bertarikh 23 April 1959 Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC). Persidangan UNCSGN yang bermula dalam tahun 1967 dan mempunyai 193 negara ahli, diadakan setiap lima (5) tahun untuk menstandardkan nama geografi antarabangsa serta menyiarkan dan menyebarkan nama geografi yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Mesyuarat UNGEGN pula diadakan dua (2) kali dalam tempoh antara persidangan UNCSGN.

UNCSGN dan UNGEGN akan melaporkan aktiviti Negara-negara ahli di bawah 24 Bahagian serta 10 kumpulan kerja dan Kumpulan *Task Force for Africa* di bawah UNGEGN bagi membincangkan kemajuan dan penyelesaian isu-isu semasa.

Penerbitan Garis Panduan Toponimi bagi Editor Peta dan Lain-lain adalah berdasarkan resolusi yang diputuskan melalui UNCSGN seperti yang berikut:

- *IV/4; 1982; Publication of toponymic guidelines for map and other editors*
- *V/11; 1987; Differentiation of toponyms from other map text*
- *V/14; 1987; Publication of toponymic guidelines*
- *VI/7; 1992; Toponymic guidelines for map and other editors*

## 2. LANGUAGE

### 2.1 General statement

Malaysia is a multi-ethnic country with a total population estimated at 30 million for 2014 (*reference: Department of Statistics Malaysia*). The three major communities living in Malaysia are the Malays, the Chinese and the Indians. In addition, there are also indigenous groups which consist of the Orang Asli community and various ethnic groups such as the Iban in Sarawak and the Kadazandusun in Sabah.

### 2.2 National and official language

The Malay language is the national and official language of Malaysia as stipulated in Article 152 of the Federal Constitution and the National Language Act of 1963/1967. The Malay language is widely spoken not only by the Malays but also by the other communities in Malaysia.

### 2.3 A brief history of the Malay Language

The Malay language belongs to the language group of the Malay Archipelago, that is, one of four language groups of the Austronesian language family. Most of its speakers reside in the Malay peninsula, the Riau Islands and Sumatera.

The Malay language has been the *lingua franca* of the Malay Archipelago since time immemorial and was used as a language of communication between the people in the Malay Archipelago and traders from Europe and West Asia and travellers from India and China.

### 2.4 History of Malay as the national language

In Malaysia, the need to establish a single national language began in the early 20th century with the rise of nationalism among the Malays comprising journalists, writers, culture connoisseurs, teachers and politicians who fought to uphold their native language. The struggle to uphold the Malay language was propelled in unison with the political struggle to liberate the country from colonial rule.

## 2. BAHASA

### 2.1 Kenyataan umum

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dengan jumlah penduduknya dianggarkan seramai 30 juta bagi tahun 2014 (*rujukan: Jabatan Perangkaan Malaysia*). Tiga kaum terbesar yang menetap di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India. Di samping itu, terdapat golongan bumiputera yang terdiri daripada kaum Orang Asli dan pelbagai etnik seperti kaum Iban di Sarawak dan Kadazandusun di Sabah.

### 2.2 Bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Malaysia. Hal ini berdasarkan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Bahasa Melayu dipertuturkan dengan luasnya bukan sahaja oleh penduduk Melayu tetapi juga oleh kaum-kaum lain yang tinggal di Malaysia.

### 2.3 Sejarah ringkas Bahasa Melayu

Bahasa Melayu tergolong dalam kumpulan bahasa di Kepulauan Melayu (atau Nusantara), iaitu satu daripada empat kumpulan bahasa dalam keluarga bahasa Austronesia. Kebanyakan penuturnya tinggal di sekitar Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau, dan Sumatera.

Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* atau bahasa perantaraan di daerah kepulauan Melayu sejak zaman-berzaman dan digunakan sebagai bahasa perhubungan antara orang-orang yang tinggal di Kepulauan Melayu dengan pedagang-pedagang dari Eropah dan Asia Barat, dan pengembara dari India dan China.

### 2.4 Sejarah Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Di Malaysia, keperluan untuk memilih satu bahasa kebangsaan bermula pada awal abad ke-20, dengan kebangkitan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu yang terdiri daripada wartawan, sasterawan, budayawan, guru dan ahli politik yang memperjuangkan bahasa ibunda mereka. Perjuangan bahasa Melayu digerakkan

Their struggle culminated in the successful inclusion of Article 152 in the Constitution of the Federation of Malaya which states that the Malay language shall be the national language.

Since the country gained independence in 1957, Malay has functioned not only as a national language but also the country's official language, the language of administration, the language of general communication, and the medium of instruction in schools and institutions of higher learning. The National Language Act of 1963/1967 stipulates that Malay Language shall be the sole official language of Malaysia. In addition, the Razak Report of 1956 also recommended Malay Language as the medium of instruction in the education system.

Once Malay Language had been established as the national language, efforts were made to improve its standard. A special body, Institute of Language and Literature Malaysia, was established in 1956 to achieve this goal.

serentak dengan perjuangan politik membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan.

Perjuangan mereka tercapai dengan termaktubnya Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, fungsi bahasa Melayu bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan, malah sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Berdasarkan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, telah ditetapkan bahawa bahasa Melayu adalah satu-satunya bahasa rasmi negara Malaysia. Selain itu, Laporan Razak 1956 juga telah mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara.

Setelah bahasa Melayu dipilih menjadi bahasa kebangsaan, usaha-usaha perancangan bahasa telah dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu mencapai taraf lebih maju. Di Malaysia, satu badan khas, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah ditubuhkan pada tahun 1956 untuk mencapai matlamat ini.

### 3. SPELLING AND PRONUNCIATION

#### 3.1 Spelling

The Malay language is being written in two different writing systems; i.e. Rumi (Roman) and Jawi. The National Language Act of 1963 stipulates that "The script of the national language shall be the Rumi script: provided that this shall not prohibit the use of the Malays script, more commonly known as the Jawi script, of the national language".

##### 3.1.1 Roman

###### a) Alphabet

The Malay language uses the Roman alphabet in its spelling system. It makes use of 26 letters:

### 3. EJAAN DAN SEBUTAN

#### 3.1 Ejaan

Bahasa Melayu mempunyai dua bentuk sistem tulisan iaitu Rumi dan Jawi. Berdasarkan Akta Bahasa Kebangsaan 1963, "Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi: dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan."

##### 3.1.1 Rumi

###### a) Abjad

Bahasa Melayu menggunakan abjad Rumi dalam sistem pengejaannya. Terdapat 26 huruf yang digunakan:

Letter Huruf	Phonetic symbol Simbol fonetik	Example Contoh	Pronunciation Sebutan
A a	[a]	Arau	[a.raw]
B b	[b]	Bota	[bo.ta]
C c	[tʃ]	Cina	[tʃi.na]
D d	[d]	darat	[da.rat]
E e	[e]	Perak	[pe.raʔ]
	[ə]	Jelebu	[dʒə.lə.bu]
F f	[f]	wakaf	[wa.kaf]
G g	[g]	Gambang	[gam.baŋ]
H h	[h]	hulu	[hu.lu]
I i	[i]	Miri	[mi.ri]
J j	[dʒ]	Jasin	[dʒa.sin]
K k	[k]	Kajang	[ka.dʒaŋ]
	[ʔ]	Gombak	[gom.baʔ]
	[ŋ]	Nikmat	[niŋ.mat]
	[q]	kadi	[qa.di]



L l	[l]	Lawas	[la.was]
M m	[m]	Marang	[ma.raŋ]
N n	[n]	Nanding	[nan.diŋ]
O o	[o]	Johor	[dʒo.hor]
P p	[p]	pulau	[pu.law]
Q q	[q]	qari	[qɑ.ri]
R r	[r]	Kapar	[ka.par]
S s	[s]	sungai	[su.ŋaj]
T t	[t]	Tampin	[tam.pin]
U u	[u]	Bintulu	[bin.tu.lu]
V v	[v]	nirvana	[nir.va.na]
W w	[w]	wakaf	[wa.kaf]
X x	[z]	ixora	[i.zo.ra]
Y y	[j]	Yan	[jan]
Z z	[z]	zamrud	[zam.rud]

### b) Vowels

In the Romanised spelling system of the Malay language, five vowels are used to represent six vowel phonemes or standard vowel sounds. The letters are *a*, *e*, *i*, *o* and *u*. The letter *e* is used to denote two vowel phonemes, namely:

- i. *e pepet* [ə]. For example, Jelebu.
- ii. *e taling* [e]. For example, Perak.

### c) Diphthongs

In the Romanised spelling system of the Malay language, there are three pairs of diphthong letters that symbolise three diphthong phonemes. The pairs are *ai*, *au* and *oi*.

### b) Huruf vokal

Dalam sistem ejaan Rumi bahasa Melayu, ada lima huruf vokal yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal atau bunyi vokal baku. Huruf-huruf tersebut ialah *a*, *e*, *i*, *o* dan *u*. Huruf *e* digunakan untuk melambangkan dua fonem vokal, iaitu:

- i. *e pepet* [ə]. Contoh, Jelebu.
- ii. *e taling* [e]. Contoh, Perak.

### c) Huruf diftong

Dalam sistem ejaan Rumi, ada tiga pasang huruf diftong yang melambangkan tiga bunyi diftong dalam bahasa Melayu. Huruf-huruf tersebut ialah *ai*, *au* dan *oi*.

Diphthong Diftong	Phonetic Symbol Lambang Fonetik	Example Contoh	Pronunciation Sebutan
ai	[aj]	pantai, sungai	[pan.taj], [su.ŋaj]
au	[aw]	pulau, merbau	[pu.law], [mər.baw]
oi	[oj]	Tampoi, Paroi	[tam.poj], [pa.roj]

#### d) Consonants

Consonants in the Malay language spelling are divided into two types, namely single consonants and consonant clusters.

- i. **Single consonants** consist of the letters *b, c, d, f, g, h, j, k, l, m, n, p, q, r, s, t, v, w, x, y* and *z*.
- ii. **Consonant clusters** comprise *gh, kh, ng, ny* and *sy*.

#### d) Huruf konsonan

Huruf konsonan dalam ejaan bahasa Melayu terbahagi kepada dua bentuk iaitu konsonan tunggal dan konsonan gabungan.

- i. **Konsonan tunggal** terdiri daripada huruf-huruf *b, c, d, f, g, h, j, k, l, m, n, p, q, r, s, t, v, w, x, y* dan *z*.
- ii. **Konsonan gabungan** terdiri daripada huruf-huruf *gh, kh, ng, ny* dan *sy*.

Consonants Konsonan	Phonetic Symbol Lambang Fonetik	Example Contoh	Pronunciation Sebutan
gh	[ɣ]	ghalib	[ɣa.lib]
kh	[x]	khatib	[xa.tib]
ng	[ŋ]	gunung	[gu.nuŋ]
ny	[ɲ]	nyiru	[ɲi.ru]
sy	[ʃ]	syarikat	[ʃa.ri.kat]

Apart from these consonant clusters, other consonant combinations can also be formed to spell loan words or words adopted from other languages. For example, *kl* (*klinik*), *rd* (*standard*), *pr* (*projek*), etc. Besides that, there are also consonant combinations in the old spelling system. For example, *ch* [tʃ] still remains as the spelling of names of places in Malaysia such as Bukit China, Cheras, Changkat Lada and Cherating.

Selain konsonan gabungan tersebut, konsonan gabungan yang lain juga boleh terbentuk untuk mengeja kata serapan atau pinjaman bahasa asing. Misalnya *kl* (*klinik*), *rd* (*standard*) *pr* (*projek*) dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga konsonan gabungan dalam sistem ejaan lama. Sebagai contoh, *ch* [tʃ] masih kekal penggunaannya untuk pengejaan nama-nama tempat di Malaysia seperti Bukit China, Cheras, Changkat Lada dan Cherating.

## e) Spelling of geographical names

In general, the spelling of geographical names is based on the New Romanised Spelling System for the Malay Language (1972). Nevertheless, the spelling of these words shall also be subject to the decision of the state government.

### General rules

1. Geographical names must begin with a capital letter. For example, **P**erak, **S**elangor and **C**heras.
2. Geographical names should, as far as possible, be spelled out in full. When the name is in the form of a phrase, the first letter of each word should be in capital. For example, **K**uala **L**umpur, **S**ungai **S**iput and **T**eluk **I**ntan.
3. The hyphen is used if the geographical name consists of duplicated words. For example, Pulau Batu Layang-layang.

The spelling of geographical names prior to 1972 can take the original form to reflect the history of the spelling or common form used or preferred by the local population. Geographical names that were formed post-1972, as with other proper names, should be in accordance with the system. Thus, the spelling of geographical names can also take a shortened form. In certain cases, the practice of naming places should also take into account the language currently spoken by local communities, dialects and various other languages in Malaysia.

In Malaysia, geographical names are taken from plants (example: tree, flower), natural entities (example: river, hill), man-made environmental entities (example: road, dam), natural marine entities (example: reef), man-made marine entities (example: embankment) and so on.

### 3.1.2 Jawi

Other than Roman script, Malay language can also be spelled and written using the Jawi system. The current Jawi writing and spelling system is based on the book *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*, published by the Institute of Language and Literature Malaysia in 1986 (second edition, 1987; third edition, 1993).

## e) Pengejaan nama geografi

Pada amnya, pengejaan nama geografi adalah berpandukan Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1972). Walau bagaimanapun, pengejaannya juga tertakluk kepada keputusan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

### Peraturan umum

1. Nama geografi hendaklah dimulakan dengan huruf besar. Misalnya **P**erak, **S**elangor dan **C**heras.
2. Nama geografi seboleh-bolehnya hendaklah dieja penuh. Apabila terdapat nama yang berbentuk rangkai kata, abjad pertama setiap kata hendaklah dalam huruf besar. Misalnya **K**uala **L**umpur, **S**ungai **S**iput dan **T**eluk **I**ntan.
3. Tanda sempang boleh digunakan sekiranya nama geografi berbentuk kata ganda. Misalnya, Pulau Batu Layang-layang.

Pengejaan nama geografi sebelum tahun 1972 boleh mengambil ejaan asal yang dapat menggambarkan sejarah ejaan atau bentuk lazim yang digunakan atau disukai oleh penduduk tempatan. Nama geografi yang dibentuk selepas itu, seperti juga nama khas yang lain haruslah mengikut sistem berkenaan. Oleh yang demikian, pengejaan nama geografi boleh juga mengambil kata yang dipendekkan. Dalam hal tertentu, amalan menamakan tempat juga hendaklah mengambil kira bahasa yang dituturkan pada masa kini oleh masyarakat setempat, dialek dan pelbagai bahasa lain di Malaysia.

Nama geografi di Malaysia terdiri daripada nama-nama yang diambil daripada tumbuh-tumbuhan (contoh: pokok, bunga), entiti alam semula jadi (contoh: sungai, bukit), entiti alam buatan manusia (contoh: jalan, empangan), entiti laut semula jadi (contoh: terumbu), entiti laut buatan manusia (contoh: tambak) dan sebagainya.

### 3.1.2 Jawi

Selain ejaan Rumi, bahasa Melayu juga boleh dieja dan ditulis menggunakan sistem ejaan dan tulisan Jawi. Sistem tulisan dan ejaan Jawi yang digunakan sekarang ialah sistem yang berdasarkan buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1986 (edisi kedua, 1987; edisi ketiga, 1993).

### a) Writing, spelling and alphabet

Jawi is written and read from right to left, same as the Arabic system. The writing system does not contain upper or lower case as in the Roman. The Jawi alphabets can also be written connecting each other either in the beginning, middle or end of each alphabet to form a word.

Jawi alphabet consists of 37 alphabet individual forms arranged as follows:

### a) Tulisan, ejaan dan abjad

Tulisan Jawi ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri seperti sistem tulisan bahasa Arab. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi. Huruf Jawi juga boleh dirangkaikan dengan huruf Jawi yang lain, sama ada di awal, di tengah, atau di akhir sesuatu kata bagi membentuk sesuatu perkataan.

Huruf Jawi terdiri daripada 37 huruf bentuk tunggal yang tersusun seperti yang berikut:

Jawi alphabet Huruf jawi	Alphabet Name Nama Huruf	Roman match Padanan rumi
ا	alif	a
ب	ba	b
ت	ta	t
ة	ta marbutah	t/h
ث	sa [θa]	s
ج	jim	j
چ	ca	c
ح	ha [ħa]	h
خ	kha [xɔ]	kh
د	dal	d
ذ	zal [ðal]	z
ر	ra [rɔ]	r
ز	zai	z
س	sin	s
ش	syin	sy
ص	sad [sʰɔd]	s
ض	dad [dʰɔd]	d
ط	ta [tʰɔ]	t

ظ	za [zʻɔ]	z
ع	ain [ʕajn]	a, i, u, k
غ	ghain	gh
غ	nga	ng
ف	fa	f
ڤ	pa	p
ق	qaf [qɔf]	k, q
ك	kaf	k
گ	ga	g
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	wau	w, u, o
ڤ	va	v
ه	ha	h
ء	hamzah	k
ي	ya	y, i, e [e]
ى	ye [jə]	e [ə]
ث	nya	ny

The form of letters are loan from Arabic letters and from 37 letters, six letters are modified, ie ca(چ), pa (ڤ), ga(گ), nga(غ), nya(ث) and va(ڤ), to match the spelling and pronunciation of Malay Rumi, ie c[tʃ], p[p], g[g] ng[n], nya [n] and v[v].

The usage of Jawi writing can be seen on roads, housing areas, business premises and advertisement signboards in several states of Malaysia such as Kelantan, Terengganu and Kedah. Examples as follows:

Bentuk huruf-huruf tersebut merupakan pinjaman huruf-huruf Arab, dan daripada 37 huruf tersebut, enam huruf merupakan huruf yang diubah suai, iaitu ca (چ), pa (ڤ), ga (گ), nga (غ), nya (ث) dan va (ڤ), bagi disepadankan dengan ejaan Rumi dan sebutan kata Melayu iaitu c[tʃ], p[p], g[g], ng[n], nya[n] dan v[v].

Penggunaan tulisan Jawi dapat dilihat pada papan-papan tanda di sesetengah negeri di Malaysia seperti di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Papan-papan tanda ini terdiri daripada papan tanda jalan, kawasan perumahan, premis perniagaan dan iklan. Contohnya:

Roman / Rumi	Jawi
Jalan Pasir Puteh	جالن فاسير فوته
Bank Simpanan Nasional	بڠك سيمفئن ناسيونل
Terminal Bas Kota Bharu	ترمينل بس كوتا بهارو
KFC	كي. ايف. سي.

### 3.2 Pronunciation

The formal pronunciation of geographical names in Malay is based on standard Malay pronunciation, i.e. the phonetic symbols and syllables as well as function in the sentence. As a general guideline on standard Malay pronunciation, attention should be given to the following characteristics of pronunciation:

- (i) Pronunciation of letters: In general, every letter in the Romanised spelling should be pronounced clearly in accordance with the phonetic value in the Malay language.
- (ii) Pronunciation of words: The pronunciation of words should be based on the overall spelling and word form (syllable patterns), be they root words or derivatives.
- (iii) Intonation: Intonation is the variation in voice pitch, i.e. rise/fall or high/low key, when speaking, and should be based on the type and form of words or phrases in the Malay language as well as the circumstance.

#### a) Pronunciation of proper names

The names of places within or outside Malaysia are expressed according to common local pronunciation or international resolutions. For example:

Spelling / Ejaan	Pronunciation / Sebutan
Selangor	[sə.la.ŋor]
Bosnia-Herzegovina	[bos.ni.ja hæ r.zə.go.vina]
Pyongyang	[pjɔŋ.jaŋ]

### 3.2 Sebutan

Penyebutan rasmi nama geografi dalam bahasa Melayu adalah berdasarkan sebutan baku iaitu sebutan menurut perlambangan huruf dan penyukuan kata, serta fungsinya dalam ayat. Sebagai garis panduan umum tentang sebutan baku bahasa Melayu, perhatian perlu diberikan kepada ciri-ciri sebutan yang berikut:

- (i) Sebutan huruf: Pada umumnya, setiap huruf dalam ejaan Rumi hendaklah dilafazkan dengan jelas menurut nilai bunyi bahasa Melayu yang dilambangkannya.
- (ii) Sebutan kata: Sebutan kata hendaklah berdasarkan ejaan secara keseluruhan dan juga berdasarkan bentuk kata (pola-pola suku kata), sama ada kata dasar atau kata terbitan.
- (iii) Intonasi: Intonasi ialah nada suara yang turun naik atau tinggi rendah sewaktu bercakap, dan hendaklah berdasarkan jenis dan bentuk ayat atau kalimat dalam bahasa Melayu serta keperihalannya keadaan yang berkenaan.

#### a) Sebutan nama khas

Nama tempat di Malaysia atau di luar Malaysia dilafazkan menurut kebiasaan sebutan setempat atau ketetapan antarabangsa. Contohnya:

Acronyms, i.e. abbreviations formed from the combination of initial letters or syllables of several words are pronounced in two ways, namely (i) by articulating the syllables in the acronym, or (ii) by articulating the name or expression in full. For example:

Akronim, iaitu kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang membentuk kata, dilafazkan dengan dua cara, iaitu (i) cara sebutan akronim menurut cara pemenggalan suku kata ejaan atau (ii) cara sebutan ungkapan atau nama yang penuh. Contohnya:

<b>Acronym / Akronim</b>	<b>Pronunciation / Sebutan</b>
Felda	[fel.da] atau (Federal Land Development Authority) (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
Felcra	[fel.kra] atau (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan).

Acronyms not in the form of words but initials (an abbreviated form which is pronounced by articulating the letters separately) in Romanised spelling are pronounced in two ways, namely (i) by articulating the sound of each letter, or (ii) by articulating the name or expression in full. For example:

Kependekan yang tidak berbentuk kata tetapi merupakan jenis inisialisme (bentuk singkat kata yang disebut huruf demi huruf) dalam ejaan Rumi dilafazkan dengan dua cara, iaitu (i) cara sebutan singkatan menurut bunyi huruf Rumi, atau (ii) cara sebutan ungkapan atau nama yang penuh. Contohnya:

<b>Spelling / Ejaan</b>	<b>Pronunciation / Sebutan</b>
DBP	[di.bi.pi] atau (Dewan Bahasa dan Pustaka)
TUDM	[ti.ju.di.em] atau (Tentera Udara Diraja Malaysia)
RTM	[ar.ti.em] atau (Radio Televisyen Malaysia)

## 4. DIALECTS

In Malaysia, the Malay language has many dialects, depending on the area. In general, Malay dialect areas consist of dialect areas in Peninsular Malaysia and in Sabah and Sarawak. The dialects in Peninsular Malaysia are the Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu and Kelantan dialects. The dialects in Sabah and Sarawak are composed of the Sarawak, Kedayan and Brunei dialects.

Each dialect has certain characteristics that distinguish it from other dialects. The differences between dialects can be seen in terms of their pronunciation and vocabulary. Nevertheless generally, the grammar remains the same.

### 4.1 Johor Dialect

The Johor dialect is the basis for the creation of standard Malay in Malaysia. It has six vowels, namely [a], [e] (*e taling*), [ə] (*e pepet*), [i], [o] and [u]. These vowels are found at the beginning, middle and end of words. Among the salient features of this dialect is that the vowel [a] at the end of words is sounded as an *e pepet* [ə]. For example, 'kuala' is pronounced as [kualə], 'kota' as [kotə] and 'muara' as [muarə].

The dialect also uses the vowel sound [o] in place of [ur] at the end of words. For example, 'lumpur' is pronounced as [lumpo] and 'susur' is pronounced as [suso].

Another feature of the dialect is that the vowel *e taling* [e] is used in place of [ir] at the end of words, such as 'hilir' which is pronounced as [hile] and 'pasir' as [pase].

Two states that have a similar dialect are **Selangor** and **Melaka**. However, there are several characteristics that differentiate these dialects, for example in Malacca, the words 'bakar' and 'besar' are pronounced as [bakaw] and [bəsaʷ].

### 4.2 Kedah Dialect

The Kedah dialect is also known as the northern dialect. The dialect area covers Perlis, Kedah (including Langkawi Island) Pulau Pinang and northern Perak up to Taiping.

## 4. DIALEK

Bahasa Melayu di Malaysia mempunyai pelbagai dialek mengikut kawasan tertentu. Pada umumnya kawasan dialek Melayu terdiri daripada kawasan dialek di Semenanjung Malaysia, dan di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia dialek tersebut ialah dialek Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Dialek di Sabah dan Sarawak pula terdiri daripada dialek Melayu Sarawak, Kedayan dan Brunei.

Setiap dialek mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya daripada dialek-dialek lain. Perbezaan antara dialek dapat dilihat dari segi sebutan dan kosa katanya. Namun, secara umumnya sistem tatabahasanya adalah sama.

### 4.1 Dialek Johor

Dialek Johor merupakan asas pembentukan bagi bahasa Melayu standard di Malaysia. Dialek ini mempunyai enam vokal, iaitu [a], [e] (*e taling*), [ə] (*e pepet*), [i], [o] dan [u]. Vokal-vokal ini terdapat di awal, tengah dan akhir kata. Antara ciri utama dialek ini ialah vokal [a] pada akhir kata yang dibunyikan sebagai *e pepet* [ə]. Misalnya, 'kuala' disebut [kualə], 'kota' disebut [kotə] dan 'muara' disebut [muarə].

Dialek ini juga mempunyai vokal [o] yang menggantikan sebutan [ur] pada akhir kata, misalnya 'lumpur' disebut [lumpo] dan 'susur' disebut [suso].

Ciri lain bagi dialek ini ialah vokal *e taling* [e] bagi menggantikan sebutan [ir] pada akhir kata seperti 'hilir' disebut [hile] dan 'pasir' disebut [pase].

Dua buah negeri yang mempunyai dialek yang agak sama dengan dialek ini ialah **Selangor** dan **Melaka**. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ciri yang membezakannya, misalnya di Melaka, kata-kata seperti 'bakar' dan 'besar' disebut [bakaw] dan [bəsaʷ].

### 4.2 Dialek Kedah

Dialek Kedah dikenali juga sebagai dialek utara. Kawasannya meliputi Perlis, Kedah (termasuk Pulau Langkawi), Pulau Pinang dan utara Perak hingga ke Taiping.



Among the key features that distinguish the Kedah dialect from other dialects is the pronunciation of words that contain the consonant 'r'. For example, 'alur' is pronounced as [aloŋ] and 'darat' is pronounced as [dayat].

In terms of vocabulary, there are dialects that are used in naming geographical places. For example, 'guar' (hillock) - Guar village (in Kedah) and 'tandup' (dam) - Tandop village (in Kedah).

#### 4.3 Perak Dialect

The Perak dialect area covers Parit and the south western region of Kuala Kangsar, Perak. Among its main features is the pronunciation of the vowel sound [a] at the end of words as an open vowel [e] or *e taling*. For instance 'kuala' pronounced as [kuale]. Besides, for the words ending with '-au', '-ar' and '-ur', the sound is replaced with [o]. For example, 'pulau' is pronounced as [pulo], 'bandar' is pronounced as [bando] and 'lumpur' is pronounced as [lumpo].

#### 4.4 Pahang Dialect

Generally, the Pahang dialect is spoken in the Pahang region. It has similarities with the Johor dialect, such as the vowel [a] at the end of words that sounds as an *e pepet* [ə]. For example, 'kuala' is pronounced as [kualə] and 'muara' is pronounced as [muarə].

Another feature of this dialect is the pronunciation of the vowel [a] in the last syllable which is followed by the [h] sound or glottal stop [ʔ] is pronounced as [o]. For example, 'ayah' is pronounced as [ayoh] and 'anak' is pronounced as [anoʔ]. In addition, the dialect does not have the diphthongs 'ai' and 'au' at the end of words. They are replaced with the [a] and [e] sounds. For example, 'pisau' is pronounced as [pisa] and 'sungai' is pronounced as [sunge].

The influence of the dialect can also be seen in the names of places in Pahang. For example, Kampung Jolong and Sungai Jolong. The word jolong is specific to the dialect and carries the meaning 'higher than the rest'.

#### 4.5 Kelantan Dialect

The Kelantan dialect has many sub-dialects but it generally refers to the dialect spoken in Kota Bharu.

Antara ciri-ciri utama yang membezakan dialek Kedah dengan dialek-dialek lain ialah penyebutan kata yang melibatkan konsonan 'r'. Misalnya, 'alur' disebut [aloŋ] dan 'darat' disebut [dayat].

Dari segi kosa kata, terdapat beberapa kata dialek ini yang digunakan dalam penamaan nama-nama geografi. Misalnya, 'guar' (anak bukit) - Kampung Guar (di Kedah) dan 'tandup' (empangan) - Kampung Tandop (di Kedah).

#### 4.3 Dialek Perak

Kawasan dialek Perak meliputi Parit dan kawasan di barat daya Kuala Kangsar, Perak. Antara ciri-ciri utamanya ialah bunyi vokal [a] di akhir kata dilafazkan sebagai vokal [e] terbuka luas atau dikenali juga sebagai 'e taling'. Misalnya, 'kuala' disebut [kuale]. Selain itu, kata yang berakhir dengan '-au', '-ar' dan '-ur', bunyinya digantikan dengan [o]. Misalnya, 'pulau' disebut [pulo], 'bandar' disebut [bando] dan 'lumpur' disebut [lumpo].

#### 4.4 Dialek Pahang

Dialek Pahang menempati kawasan di negeri Pahang. Bagi dialek ini, terdapat beberapa persamaan dengan dialek Johor. Antaranya ialah penggunaan vokal [a] di akhir kata yang dibunyikan sebagai *e pepet* [ə]. Misalnya, 'kuala' disebut [kualə] dan 'muara' disebut [muarə].

Antara ciri lain bagi dialek ini ialah vokal [a] dalam suku kata akhir yang diikuti oleh bunyi [h] atau hentian glotis [ʔ] akan dibunyikan sebagai [o]. Misalnya, 'ayah' disebut [ayoh] dan 'anak' disebut [anoʔ]. Selain itu, dialek ini tidak mempunyai bunyi diftong 'ai' dan 'au' di akhir kata. Misalnya, 'sungai' disebut [sunge] dan 'pisau' disebut [pisa].

Pengaruh dialek ini juga dapat dilihat terhadap nama-nama tempat yang terdapat di negeri Pahang. Misalnya, Kampung Jolong dan Sungai Jolong. Kata 'jolong' merupakan kosa kata dalam dialek ini yang bermaksud 'tinggi daripada yang lain'.

#### 4.5 Dialek Kelantan

Dialek Kelantan mempunyai berbagai-bagai subdialek, tetapi pada amnya dialek ini dikenal pasti dengan dialek yang dituturkan di Kota Bharu.

One of the salient features of this dialect is the lack of the diphthongs 'au' and 'ai' at the end of words. For example 'pulau' is pronounced as [pula] and 'sungai' is pronounced as [sunga].

Besides that, this dialect drops the consonants 'm', 'n' and 'ng' at the end of any word if the consonant is preceded by the vocal 'a' and at the same time replacing it with vocal 'e'. For example, 'ladang' is pronounced as 'lade' and 'dalam' as 'dale'.

Unlike standard Malay, the Kelantan dialect does not have consonant clusters such as 'mp', 'mb', 'nt', 'nd', 'nc', 'nj', 'ngs', 'ngk' and 'ngg' in the middle of words. For example, 'kampung' is pronounced as [kapon], 'gunting' as [gutinj] and 'hancing' as [hacinj].

The influence of the dialect can also be seen in the names of places in Kelantan. For example, Kampung Ayer Lanas. The word 'lanas' means 'pineapple' and is specific to the dialect.

#### 4.6 Terengganu Dialect

The Terengganu dialect is mainly spoken in Terengganu but the local population in Besut, which falls under the administration of the Terengganu state, mainly speaks the Kelantan dialect.

Among the salient features of this dialect is the [ŋ] sound replacing the consonants 'm' and 'n' at the end of a word. For example, 'malam' is pronounced as [malan], 'padam' as [padan] and 'jalan' as [ɟalan].

The influence of the dialect can also be seen in the names of places in Terengganu. For example, Kampung Gong Pasir, Gong Tengah and Gong Badak. Places with names comprising the word 'gong' are widely found in the state of Terengganu. Gong means highland (but lower the hill or mountain).

#### 4.7 Negeri Sembilan Dialect

The dialect that is spoken in Negeri Sembilan originates from Minangkabau in West Sumatra.

Among the main features of the Negeri Sembilan dialect is the absence of the *e pepet* [ə] vowel sound.

Satu daripada ciri-ciri dialek ini ialah tidak mempunyai diftong 'au' dan 'ai' akhir kata. Misalnya, 'pulau' disebut [pula] dan 'sungai' disebut [sunga].

Di samping itu, dialek ini menggugurkan konsonan 'm', 'n' dan 'ng' di akhir kata sekiranya didahului oleh vokal [a] dan digantikan dengan vokal [e]. Misalnya, 'ladang' disebut [lade] dan 'dalam' disebut [dale].

Dialek Kelantan tidak mempunyai rangkap konsonan di tengah kata seperti 'mp', 'mb', 'nt', 'nd', 'nc', 'nj', 'ngs', 'ngk' dan 'ngg' seperti yang terdapat dalam bahasa standard. Misalnya, 'kampung' disebut [kapon], 'gunting' disebut [gutinj] dan 'hancing' disebut [hacinj].

Pengaruh dialek ini juga dapat dilihat terhadap nama-nama tempat yang terdapat di Kelantan. Misalnya, Kampung Ayer Lanas. Kata 'lanas' merupakan kosa kata dalam dialek ini yang membawa maksud buah nanas.

#### 4.6 Dialek Terengganu

Dialek Terengganu tersebar di negeri Terengganu, walau bagaimanapun Besut yang termasuk dalam kawasan pentadbiran Terengganu merupakan kawasan penyebaran dialek Kelantan.

Antara ciri utama bagi dialek ini ialah bunyi konsonan 'm' dan 'n' pada akhir kata digantikan dengan bunyi [ŋ]. Misalnya, 'malam' disebut [malan], 'padam' disebut [padan] dan 'jalan' disebut [ɟalan].

Pengaruh dialek ini juga dapat dilihat terhadap nama-nama tempat yang terdapat di Terengganu. Misalnya, Kampung Gong Pasir, Gong Tengah dan Gong Badak. Nama-nama tempat yang menggunakan kata 'gong' ini banyak terdapat di negeri Terengganu. Gong bermaksud tanah tinggi (tetapi lebih rendah daripada bukit atau gunung).

#### 4.7 Dialek Negeri Sembilan

Dialek yang tersebar di Negeri Sembilan ialah dialek yang dibawa dari kawasan Minangkabau di Sumatera Barat.

Antara ciri-ciri utama dialek Negeri Sembilan ialah tiada bunyi vokal bunyi *e-pepet* [ə].

Thus, the *e pepet* sound in other dialects is pronounced as [o] in this dialect. For example, 'negeri' is pronounced as [nogori] and 'Jelebu' is pronounced as [Jolobu]. This dialect is also spoken with vocal 'a' at the end of a word is pronounced with vocal 'o'. For example, 'tiga' is pronounced as 'tigo' and 'lada' as 'lado'.

In addition, the vowel [a] in the second syllable which is followed by the consonants 'h', 's' and 't' and glottal stops [ʔ] is replaced by the open *e taling* [e] vowel sound. For example, 'lemas' is pronounced as [lomeh], 'malas' as [maleh] and 'tempat' as [tompeʔ].

#### 4.8 Sarawak Malay Dialect

The Sarawak dialect is widely spoken in Kuching and the nearby regions, namely Samarahan, Saribas, Sibul, Miri and Limbang.

In terms of vowels, the Sarawak dialect has no *e pepet* [ə] vowel sound at the end of words. Thus, the vowel [a] ending in standard Malay is articulated as an open vowel [a]. For example, 'ada' is pronounced as [ada] and 'kata' is pronounced as [kata].

Additionally, Sarawak dialect does not have the diphthongs 'au' and 'ai' at the end of words, unlike standard Malay. The 'au' diphthong is replaced by the vowel [o] sound. For example, 'pulau' is pronounced as [pulo]. The 'ai' diphthong is replaced by the vowel *e taling* [e] sound. For example, 'pandai' is pronounced as [pande].

In terms of consonants, the Sarawak dialect has all the basic consonants, as does the Johor dialect. However, there is a slight difference in that the consonant 'r' is a uvular fricative sound. This sound is found in the beginning, middle and end of words.

#### 4.9 Malay Language In Sabah

Generally, Malay language used by the people in Sabah is not much different from the standard Malay language. However, there are still some significant differences which can be identified, especially in terms of the vocabulary and methods of delivery. These differences are due to the influence from other native languages in Sabah, as well as the English language. The indigenous tribes in Sabah have made the standard Malay language as their vehicular language.

Oleh itu bunyi e-pepet dalam dialek-dialek lain dilafazkan sebagai [o] dalam dialek ini. Misalnya, 'negeri' disebut [nogori] dan 'Jelebu' disebut [jolobu]. Dialek ini juga memperlihatkan bahawa vokal [a] tidak terdapat di akhir kata dan digantikan dengan vokal [o]. Misalnya, 'tiga' disebut [tigo] dan 'lada' disebut [lado].

Selain itu, vokal [a] pada suku kata kedua yang diikuti dengan konsonan 'h', 's', 't' dan hentian glotis [ʔ], digantikan dengan bunyi e-taling luas [e]. Misalnya, 'lemas' disebut [lomeh], 'malas' disebut [maleh] dan 'tempat' disebut [tompeʔ].

#### 4.8 Dialek Melayu Sarawak

Dialek Sarawak tersebar di Kuching dan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya yang meliputi Samarahan, Saribas, Sibul, Miri dan Limbang.

Dari segi vokal, dialek Sarawak tidak mempunyai bunyi vokal e-pepet [ə] pada akhir kata. Oleh itu, kata yang berakhir dengan vokal [a] dalam bahasa standard dilafazkan sebagai vokal [a] terbuka luas. Misalnya, 'ada' disebut [ada] dan 'kata' disebut [kata].

Selain itu, dialek Sarawak tidak mempunyai diftong 'au' dan 'ai' pada akhir kata seperti yang terdapat dalam bahasa standard. Bagi bunyi diftong 'au', bunyi ini digantikan dengan bunyi vokal [o]. Misalnya 'pulau' disebut [pulo]. Bagi bunyi diftong 'ai' pula, bunyi ini digantikan dengan bunyi vokal e-taling [e]. Misalnya 'pandai' disebut [pande].

Dari segi konsonan, dialek Sarawak mempunyai semua konsonan asas, sama seperti dialek Johor. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan, iaitu bagi kata yang mempunyai konsonan 'r'. Bunyi konsonan [r], ialah bunyi frikatif uvular. Bunyi ini boleh wujud dalam lingkungan awal, tengah dan akhir kata.

#### 4.9 Bahasa Melayu di Sabah

Secara umumnya bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat di Sabah tidak jauh berbeza daripada bahasa Melayu standard. Namun terdapat beberapa perbezaan tertentu yang boleh dikenal pasti, antaranya dari segi kosa kata dan cara penyampaian. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh pengaruh bahasa-bahasa sukuan di Sabah, dan bahasa Inggeris. Suku-suku kaum peribumi di Sabah telah menjadikan bahasa Melayu standard sebagai bahasa komunikasi antara mereka.

Nonetheless, there are several other forms of the Malay language in Sabah, which include Kedayan dialect and Brunei Malay dialect.

#### 4.10 Sabah Dialect

According to a study conducted by the Summer Institute of Linguistic (SIL) there are more than 55 languages and 83 dialects spoken in Sabah. Kadazandusun is the biggest language family Kadazan language. The family language of Bajau is located on the East Coast and the West Coast of Sabah. Malay language families in Sabah are divided into Iban language in Tawau coming from Sibuan, Sarawak; Brunei and Kedayan, language in the west coast of Sabah, and the Cocos Malay language in Tawau and Lahad Datu.

The others languages or dialects in Sabah is Iranun, Ida'an language, Lundayeh language, language Bonggi in Pulau Banggi, Suluk language in Labuk-Sugut, Lahad Datu, Sandakan, Semporna and Tawau, Butung language is spoken in Lahad Datu and clumps of Java in Sandakan, Lahad Datu, Tenom, Tawau and Beaufort.

The sound of languages in Sabah, especially Bajau in the West Coast, Bajau in the East Coast, Bisaya, Rungus, Dusun Lotud, Dusun Tambunan, Iranun, Paitan and Suluk (Asmah Haji Omar, 2008) utilise between 16 and 20 consonants only, for example plosives / stops: p, b, t, d, k, g, q; nasal: m, n, ng; fricatives: s; vibrations: r; lateral: l; semi-vowel: w, y.

According to the study, not all languages use **nasal ny**, **affricates c** and **j**, and **fricative h**, despite some languages use v, z and R. From aspects of vocals, these languages utilise five to eight vocal as follows:

- The five vocal system: Rungus, Dusun Tambunan, Suluk (Vocal i, e, a, u, o)
- Six vocal system: Sea Bajau, Iranun, (Vocal i, e, ě, a, u, o).
- Seven vocal system: Bisaya and Lotud (Vocal i, e, ě, a, u, o, ǒ).
- Eight vocal system: Bajau Darat (Vocal i, e, ě, ě, a, u, o, ǒ).

#### 4.11 Brunei Malay Dialect

The Brunei dialect is spoken in Brunei Darussalam and the nearby regions, namely Miri and Limbang in Sarawak. It is also spoken by some Malay groups in Sabah.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bentuk bahasa Melayu lain yang terdapat di Sabah, iaitu dialek Kedayan dan dialek Melayu Brunei.

#### 4.10 Dialek-Dialek Di Sabah

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh pihak *Summer Institute of Linguistic (SIL)* terdapat lebih daripada 55 bahasa dan 83 dialek dituturkan di Sabah. Keluarga bahasa yang paling besar ialah keluarga bahasa Kadazandusun. Keluarga bahasa Bajau di Sabah pula, terdapat di Pantai Timur Sabah dan kawasan Pantai Barat. Keluarga Melayu di Sabah terbahagi kepada bahasa Iban di Tawau yang berasal dari Sibuan, di Sarawak; bahasa Brunei, Kedayan, di Pantai Barat Daya Sabah, dan bahasa Melayu Cocos di Tawau dan Lahad Datu.

Bahasa-bahasa atau dialek-dialek lain yang terdapat di Sabah ialah Iranun, bahasa Ida'an, bahasa Lundayeh, bahasa Bonggi di Pulau Banggi, bahasa Suluk di Labuk-Sugut, Lahad Datu, Sandakan, Semporna dan Tawau, bahasa Butung di Lahad Datu dan rumpun Jawa di Sandakan, Lahad Datu, Tenom, Tawau dan Beaufort.

Dari sudut sistem bunyi bahasa-bahasa yang terdapat di Sabah, didapati bahawa bahasa-bahasa di Sabah khususnya bahasa Bajau di Pantai Barat, Bajau di Pantai Timur, Bisaya, Rungus, Dusun Lotud, Dusun Tambunan, Iranun, Paitan dan Suluk (Asmah Haji Omar, 2008) mempunyai konsonan antara 16 dan 20 sahaja seperti plosif/hentian: p, b, t, d, k, g, q; nasal: m, n, ng; frikatif: s; getaran: r; sisan: l; separuh vokal: w, y.

Berdasarkan kajian tidak semua bahasa mempunyai **nasal ny**, **afrikat c** dan **j**, dan **frikatif h**. Selain itu, ada bahasa yang mempunyai v, z dan R. Aspek vokal pula didapati bahasa-bahasa berkenaan mempunyai antara lima dan lapan vokal seperti yang berikut:

- Sistem lima - vokal: Rungus, Dusun Tambunan, Suluk (Vokal i, e, a, u, o)
- Sistem enam vokal: Bajau Laut, Iranun, (Vokal i, e, ě, a, u, o).
- Sistem tujuh - Vokal: Bisaya dan Lotud (Vokal i, e, ě, a, u, o, ǒ).
- Sistem lapan – Vokal: Bajau Darat (Vokal i, e, ě, ě, a, u, o, ǒ)

#### 4.11 Dialek Melayu Brunei

Dialek Brunei dituturkan di Brunei Darussalam dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya, iaitu Miri dan Limbang di Sarawak. Dialek ini juga dituturkan oleh kelompok Melayu tertentu di Sabah.

In terms of vowels, this dialect has three vowels, namely [a], [i] and [u]. In terms of diphthongs, vowel clusters and consonants, the dialect shares a number of similar features with the Johor dialect with the only difference being the presence of an alveolar trill or consonant [r] sound. The consonant [r] sound can be found in the beginning, middle and end of words as in standard Malay.

#### 4.12 Other languages

Apart from Malay language, English is widely used as a medium of instruction in private educational institutions and the language of communication in the private sector.

The Chinese are the second largest community in Malaysia. Most of them live in urban areas. The Chinese have many different dialects. They include the Hokkien, Cantonese, Hakka and Teochew. However, the Mandarin dialect is used as the language of communication among them.

The Indians are the third largest community in Malaysia. Like the Chinese, they too speak different languages depending on their origins in India. Among the languages spoken by the Indian community are Tamil, Telugu and Malayalam.

In Malaysia, there are also languages spoken by the minority communities who reside in certain areas in the country, such as the Siamese language. It is spoken by the Malay community residing in the areas bordering Thailand. In addition, the minority language called 'Cristang' or 'Cristao' is spoken by the Portuguese community in Melaka.

Furthermore, minority languages are spoken by the indigenous peoples of Peninsular Malaysia. Among them are the languages spoken by the Negrito, Senoi and Jakun. There are also the various ethnic languages in Sabah and Sarawak due to the geographical conditions of the states that divide the population. Among the important indigenous languages in East Malaysia are the Kadazandusun, Bajau, Murut, Bisaya, Iban, Bidayuh, Melanau and Kenyah.

Dari segi vokal, dialek ini mempunyai tiga vokal iaitu [a], [i] dan [u]. Dari segi diftong, rangkap vokal dan konsonan pula, dialek ini memperlihatkan ciri yang sama seperti dengan dialek Johor. Cuma perbezaannya ini ialah adanya getaran alveolar atau bunyi konsonan [r]. Dan bunyi konsonan [r] ini terdapat dalam di awal, tengah dan akhir kata, seperti dalam bahasa Melayu standard.

#### 4.12 Bahasa-bahasa lain

Selain bahasa Melayu, bahasa Inggeris juga meluas penggunaannya sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan sektor swasta dan sebagai bahasa perhubungan.

Kaum Cina merupakan kaum kedua terbesar di Malaysia. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan-kawasan bandar. Mereka terdiri daripada pelbagai suku dan mempunyai pelbagai dialek. Antara dialek yang dituturkan ialah Hokkien, Kanton, Hakka dan Teochew. Walau bagaimanapun, dialek Mandarin digunakan sebagai bahasa perhubungan antara mereka.

Kaum India ialah kaum ketiga terbesar di Malaysia. Seperti penduduk Cina, mereka juga menuturkan bahasa-bahasa yang berlainan bergantung kepada daerah tempat asal mereka di India. Antara bahasa yang dituturkan ialah Tamil, Telugu dan Malayalam.

Di Malaysia terdapat juga bahasa yang dituturkan oleh golongan minoriti sesuatu kawasan. Antaranya ialah bahasa Siam yang dituturkan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan bersempadan dengan negara Thailand. Selain itu, terdapat bahasa yang dikenali sebagai 'Cristang' atau 'Cristao' yang dituturkan oleh segolongan penduduk berketurunan Portugis di Melaka.

Di samping itu, terdapat bahasa minoriti yang dituturkan oleh golongan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Antaranya ialah bahasa yang dituturkan oleh orang Negrito, Senoi dan Jakun. Dalam pada itu, terdapat juga pelbagai bahasa sukuan dalam kalangan masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian bahasa ini adalah disebabkan oleh keadaan geografi negeri-negeri tersebut yang membahagi-bahagikan penduduk negeri itu. Antara bahasa sukuan yang penting di Sabah dan Sarawak ialah Kadazandusun, Bajau, Murut, Bisaya, Iban, Bidayuh, Melanau dan Kenyah.

## 5. GEOGRAPHICAL NAMES AUTHORITY AND STANDARDISATION OF GEOGRAPHICAL NAMES

### 5.1 Establishment of the committee

The National Committee on Geographical Names (NCGN) was established on 11 September 2002 in accordance with the decision of the Cabinet to co-ordinate geographical name determination activities in Malaysia. The responsibilities of this committee encompass the following matters:

- i. Formulating national guidelines for determination of geographical names;
- ii. Developing the National Geographical Names Database and the National Gazetteer;
- iii. Promoting the use of official names; and
- iv. Co-ordinating the input of national nomenclature activities with nomenclature activities at international level, including serving as liaison to the United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN), particularly with the Regional Grouping.

This NCGN is chaired by the Director General of the Department of Survey and Mapping Malaysia with its members consisting of representatives from federal agencies and state governments. One technical committee and three working groups are established to assist the NCGN:

- i. National Technical Committee on Geographical Names (NTCGN)
- ii. Working Group on Policy and Geographical Names Updating - (new working group which replaced a previous working group, called Working Group on Guidelines for Determination of Geographical Names);
- iii. Working Group on National Geographical Names Database and Gazetteer
- iv. Working Group on Names of Island and Geographic Entities

At state level, the State Committee on Geographical Names (SCGN) is established to co-ordinate and implement the guidelines and procedures determined. This committee is chaired by the State Government Secretary or the Secretary-General of the Federal Territories Ministry (for Federal Territories) and its members comprise representatives from state or federal agencies. At state level, the State Technical Committee on Geographical Names (STCGN) is also established to assist the SCGN.

## 5. PIHAK BERKUASA PENAMAAN DAN PENYERAGAMAN NAMA GEOGRAFI

### 5.1 Penubuhan jawatankuasa

Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) telah ditubuhkan pada 11 September 2002 melalui keputusan Jemaah Menteri Malaysia untuk menyelaraskan kegiatan penentuan nama geografi di Malaysia. Tanggungjawab Jawatankuasa ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Merangka garis panduan penentuan nama geografi kebangsaan;
- ii. Membangunkan Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan dan Gazetir Kebangsaan;
- iii. Menggalakkan penggunaan nama rasmi; dan
- iv. Menyelaraskan input aktiviti tatanama negara dengan aktiviti tatanama di peringkat antarabangsa, termasuklah menjadi penghubung kepada Kumpulan Pakar bagi Nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Group of Experts on Geographical Names - UNGEGN*), terutamanya dengan Kumpulan Wilayah.

JKNG dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dengan anggotanya terdiri daripada wakil dari agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Di bawah JKNG, terdapat sebuah jawatankuasa teknikal dan tiga buah kumpulan kerja sebagai pembantu iaitu:

- i. Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK)
- ii. Kumpulan Kerja Dasar dan Pengemaskinian Nama Geografi – (kumpulan kerja baru menggantikan Kumpulan Kerja Garis Panduan Penentuan Nama Geografi)
- iii. Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan
- iv. Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi.

Di peringkat negeri, Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG) ditubuhkan untuk menyelaraskan dan melaksanakan garis panduan dan prosedur yang telah diputuskan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri atau Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (bagi Wilayah Persekutuan) dan anggotanya terdiri daripada wakil agensi negeri atau persekutuan. JNNG dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN) dalam menjalankan tugasnya.

## 5.2 Guidelines for the determination of geographical names

Malaysia has published Guidelines for the Determination of Geographical Names for the state authorities to co-ordinate the activities of determining geographical names in Malaysia. The guidelines have been used as the Malaysian Standard MS 2256: 2009 entitled, "Geographic Information – Guidelines for the Determination of Geographical Names".

The publication of these guidelines has helped the state governments in determining the names of geographic entities based on the principles outlined therein. Nevertheless, the decision to approve these geographical names shall be under the authority of the state government. The guidelines contain 21 key principles for determining names:

1. Official or approved names
2. Names under Statutory Authorities
3. Names given by other agencies
4. Official language
5. Language forms and translation
6. Spelling and pronunciation
7. Form and character of names
8. Uniformity in the spelling of names
9. Names in general public use
10. Use of personal names
11. Naming a geographical entity based on identified geographical
12. Considerations in naming unnamed geographical entities
13. Duplication of names
14. Name changes
15. Use of qualifying elements
16. Names of minor geographical entities
17. Generic names
18. Variant or unofficial names
19. Names in the forms of abbreviations and numbers
20. Off-shore hydrographic geographical entities
21. Names of foreign countries

## 5.2 Garis panduan penentuan nama geografi

Malaysia telah menerbitkan Buku Garis Panduan Penentuan Nama Geografi sebagai panduan kepada pihak Negeri yang bertujuan untuk menyelaraskan kegiatan penentuan nama geografi di Malaysia. Garis Panduan berkenaan telah dijadikan sebagai *Malaysian Standard* iaitu MS 2256: 2009 yang bertajuk *Geographic Information – Guidelines for the Determination of Geographical Names*.

Penerbitan Garis Panduan ini banyak membantu Kerajaan Negeri dalam membuat penamaan entiti geografi berdasarkan prinsip-prinsip penamaan yang digariskan. Sungguhpun begitu, keputusan untuk meluluskan penamaan geografi tersebut adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Garis panduan ini mengandungi 21 prinsip utama penamaan iaitu:

1. Nama yang rasmi atau dibenarkan
2. Nama di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa
3. Nama oleh agensi lain
4. Bahasa rasmi
5. Bentuk bahasa dan terjemahan
6. Ejaan dan sebutan
7. Bentuk dan sifat sesuatu nama
8. Keseragaman dalam ejaan nama
9. Nama yang lazim digunakan oleh masyarakat
10. Penggunaan nama orang
11. Menamakan sesuatu entiti geografi berdasarkan batas geografi yang telah dikenal pasti
12. Pertimbangan untuk menamakan entiti geografi yang belum bernama
13. Duplikasi nama
14. Perubahan nama
15. Penggunaan unsur keterangan
16. Nama entiti geografi yang kecil
17. Nama generik
18. Nama lain atau tidak rasmi
19. Nama berbentuk singkatan dan nombor
20. Entiti geografi hidrografi luar pesisir
21. Nama negara luar

The availability of these guidelines does not mean that all existing geographical names should be revised and modified according to these principles. However, names which are considered inappropriate in terms of pronunciation, meaning or negative connotation should be changed. Generally, the determination of names must comply with the following:

- i. Principles set forth by international agreements and treaties;
- ii. Policies and principles established and accepted by the National Committee on Geographical Names; and
- iii. Policies and principles established and accepted in the area under statutory authority that are appropriate to local needs.

### **5.3 Standardisation of geographical name determination process**

#### **5.3.1 Proposal**

##### **a) Parties making proposal**

- i. Developers
- ii. Local Authorities
- iii. State Executive Councils (SEC)
- iv. Related authority to the Federal Territory
- v. Individuals or organisations

##### **b) Procedure for making a proposal**

**b1)** The proposal shall be submitted in writing to the Local Authority with jurisdiction over the area where the geographical entity is located or to the District Office if the geographical entity is located outside the administrative area of the Local Authority, together with the following information:

- i. The full name proposed for the geographical entity;
- ii. Location according to its co-ordinates, and stating the map referred to;
- iii. Clear description of the geographical entity to be named or renamed and indication of its precise delineation;
- iv. Photographs, sketches or plans;
- v. Reason for proposed name or name change;

Dengan adanya garis panduan ini, tidak bermakna semua nama geografi yang sedia ada perlu disemak semula dan diubah berdasarkan prinsip tersebut. Walau bagaimanapun, nama yang kurang manis dari segi sebutan, makna atau berkonotasi negatif digalakkan supaya ditukar. Umumnya penentuan nama hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

- i. Prinsip yang telah ditetapkan oleh perjanjian dan triti antarabangsa;
- ii. Dasar dan prinsip yang dibentuk dan diterima oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi; dan
- iii. Dasar dan prinsip yang dibentuk dan diterima di kawasan di bawah bidang kuasa berkanun yang sesuai dengan kehendak tempatan.

### **5.3 Penyeragaman proses penentuan nama geografi**

#### **5.3.1 Cadangan**

##### **a) Pihak yang membuat cadangan**

- i. Pemaju
- ii. Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- iii. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK)
- iv. Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan (MPTK)
- v. Individu atau organisasi

##### **b) Prosedur membuat cadangan**

**b1)** Cadangan mestilah dikemukakan kepada PBT yang mempunyai bidang kuasa terhadap kawasan tempat entiti geografi itu berada atau kepada Pejabat Daerah (PD) jika entiti geografi berkenaan terletak di luar kawasan pentadbiran PBT, secara bertulis bersama-sama maklumat berikut:

- i. Nama penuh yang dicadangkan untuk entiti geografi;
- ii. Lokasi mengikut koordinatnya, dengan menyatakan peta yang dirujuk;
- iii. Pemerian yang jelas tentang entiti geografi yang hendak dinamakan atau yang hendak dinamakan semula dengan menyatakan dengan tepat batas lingkungannya;
- iv. Foto, lakaran atau pelan;
- v. Sebab penamaan atau perubahan nama itu dicadangkan;



- vi. Origin or meaning of the proposed name or name to be changed;
- vii. For an unnamed geographical entity, the basis of knowledge as to why the geographical entity has remained unnamed should be stated; and
- viii. Names, addresses, and telephone numbers of long-time residents in the area who can confirm the well-established local usage.

*Note: Only names that are not accepted at STCGN level and not endorsed need to be changed or amended in accordance with the Guidelines for the Determination of Geographical Names.*

**b2)** If the name proposed is in commemoration of someone (more than one person), the following additional information is needed:

- i. Full name of each person;
- ii. Birth and death dates of each person, if known; and
- iii. Brief biography of the person(s) to be commemorated, including a description of their association with the geographical entity.

**b3)** Evaluation of the proposal will be expedited if the proposer furnishes evidence of local support for the proposed name. The evidence may be submitted in the following forms:

- i. Letters from the Federal Authority, State Authority, ethnic groups or Local Authority;
- ii. Petition signed by the local residents in support of the name;
- iii. Newspaper clippings of articles and letters to the editor which indicate public awareness and support for the proposed name; and
- iv. Other publications which can support the application.

- vi. Asal usul atau makna nama yang dicadangkan atau nama yang diubah;
- vii. Bagi entiti geografi yang belum bernama, asas pengetahuan mengapa entiti geografi tersebut belum bernama perlu dinyatakan; dan
- viii. Nama, alamat dan nombor telefon pemastautin lama di kawasan tersebut yang dapat mengesahkan penggunaan tempatan yang telah lama mantap.

*Nota: Nama-nama yang tidak boleh diterima di peringkat JTNGN dan tidak diperakukan sahaja yang perlu diubah atau dipinda berpandukan Garis Panduan Penentuan Nama Geografi.*

**b2)** Jika nama yang dicadangkan itu bersempena dengan nama seseorang (lebih daripada seorang), maklumat tambahan seperti yang berikut diperlukan:

- i. Nama penuh setiap orang;
- ii. Tarikh lahir dan tarikh kematian setiap orang, jika diketahui; dan
- iii. Sejarah hidup yang ringkas tentang orang yang diberikan penghormatan itu dengan menjelaskan hubungannya dengan entiti geografi tersebut.

**b3)** Penilaian cadangan akan bertambah cepat jika pencadang menyertakan sebarang bukti yang menunjukkan sokongan tempatan bagi nama yang dicadangkan. Bukti tersebut bolehlah dikemukakan dalam bentuk:

- i. Surat daripada Pihak Berkuasa Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan etnik atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- ii. Petisyen bagi nama tersebut yang ditandatangani oleh penduduk tempatan;
- iii. Keratan akhbar tentang rencana dan surat kepada editor yang menunjukkan kesedaran orang awam dan sokongan mereka terhadap nama yang dicadangkan; dan
- iv. Penerbitan lain yang dapat menyokong permohonan.

### 5.3.2 Processing of proposal

#### a) Party processing the proposal

The Local Authority (LA) or District Office (DO) that processes the proposal shall ensure its conformity with the guidelines for the determination of geographical names.

#### b) Proposal processing procedure:

The LA or DO shall:

- i. record proposals received for new names or name changes;
- ii. investigate and confirm the supporting information received;
- iii. conduct further research including consulting other government agencies if necessary (particularly Institute of Language and Literature Malaysia); and
- iv. prepare a summary of each proposal for the consideration of the State Technical Committee on Geographical Names (STCGN).

### 5.3.3 Endorsement of proposal

#### a) Party endorsing the proposal

The SCGN will endorse proposed geographical names that conform with the guidelines for the determination of geographical names.

#### b) Endorsement procedure:

- i. The STCGN shall record proposals received for new names or name changes;
- ii. The SCGN shall endorse the proposals that conform to the guidelines for the approval of the SEC/Top Management Meeting of the Ministry (TMMM);
- iii. The SCGN shall convey its recommendation to the LA or DO concerned; and
- iv. The LA or DO shall then inform the proposer of the SCGN's decision.

If the proposal is not endorsed by the SCGN, the proposer may take the following actions:

- i. make amendments and resubmit it; or
- ii. make a new proposal.

### 5.3.2 Memproses cadangan

#### a) Pihak yang memproses cadangan

PBT atau PD memproses cadangan supaya selaras dengan garis panduan penentuan nama geografi.

#### b) Prosedur memproses cadangan:

PBT atau PD hendaklah:

- i. merekodkan cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi yang diterima;
- ii. memeriksa dan mengesahkan maklumat sokongan yang diterima;
- iii. membuat penyelidikan lanjut termasuk merujuk kepada agensi kerajaan yang lain jika perlu (terutamanya Dewan Bahasa dan Pustaka); dan
- iv. menyediakan ringkasan bagi setiap cadangan untuk pertimbangan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN).

### 5.3.3 Perakuan cadangan

#### a) Pihak yang memperakukan cadangan

JNNG akan memperakukan cadangan nama geografi yang selaras dengan garis panduan penentuan nama geografi.

#### b) Prosedur memperakukan cadangan:

- i. JTNGN hendaklah merekodkan cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi yang diterima;
- ii. JNNG hendaklah memperakukan cadangan yang selaras dengan garis panduan untuk kelulusan MMK/MPTK;
- iii. JNNG hendaklah memaklumkan perakuannya kepada PBT atau PD yang berkenaan; dan
- iv. PBT atau PD hendaklah memaklumkan keputusan JNNG kepada pencadang.

Sekiranya cadangan tidak diperakukan, pihak pencadang boleh mengambil tindakan berikut:

- i. membuat pindaan dan memajukannya semula; atau
- ii. membuat cadangan yang baharu.

### **5.3.4 Approval and further actions**

#### **a) Approving authority**

The State Executive Council (SEC) or the Top Management Meeting of the Ministry of Federal Territories for the Federal Territories (TMMM) shall approve proposals for new names or name changes based on the SEC/TMMM papers prepared by the LA or DO.

#### **b) Further actions after approval**

##### **i. Gazetting process**

The gazetting process shall be handled by the State Secretary's Office.

##### **ii. Notice to NCGN**

